



MOHD Yusof menolak kerusi roda dinaiki Pisah selepas menerima suntikan vaksin, semalam.

(6 Jun 2021) Harian Metro, p. 10

## Sasar capai imuniti kelompok hujung Ogos

**Kuala Lumpur:** Kementerian Wilayah Persekutuan akan mempercepatkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) untuk mencapai imuniti kelompok di kawasan berkenaan menjelang penghujung Ogos ini.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, ketika ini kira-kira 7,000 sehingga 9,000 individu menerima vaksin setiap hari dan jumlah itu perlu dipertingkatkan antara empat ke lima kali ganda untuk mencapai sasaran berkenaan.

“Oleh itu, langkah pertama yang perlu dilakukan adalah memastikan semua penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan mendaftar dengan Pick seterusnya membolehkan mereka di vaksin.

“Putrajaya sudah mencapai 100 peratus pendaftaran sementara Kuala Lumpur kira-kira 70 peratus manakala Labuan pula 60 peratus sudah mendaftar,” katanya.

Mengulas lanjut, Annuar berkata, semua pihak perlu melipatgandakan usaha dalam melaksanakan program vaksinasi termasuk keupayaan mendapatkan bekalan vaksin mencukupi.

Sementara itu, ditanya berkaitan pandangan ramai penduduk Kelantan yang berdaftar dengan Pick, tetapi tidak tampil menerima vaksin Covid-19, Annuar yang juga Ahli Parlimen Kerteh berkata, kesedaran penduduk negeri itu untuk mendapatkan vaksin sudah meningkat apabila banyak pihak tampil memberikan maklumat.